

12 APR 2002

Mahathir-Dialog

DR MAHATHIR BERDIALOG DENGAN KAKITANGAN KERAJAAN PUSAT DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan sendiri majlis dialog dengan 1,500 pegawai kerajaan persekutuan yang bertugas di Kelantan sempena lawatan seharusnya ke negeri itu.

Sambil berdiri di pentas, Perdana Menteri yang berpakaian baju Melayu warna biru, secara terbuka menjemput mana-mana individu untuk mengemukakan sebarang pertanyaan pada majlis yang berlangsung di Dewan Utama, Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian.

Jemputan Dr Mahathir itu mendapat sambutan daripada pegawai kerajaan yang hadir termasuk daripada Jabatan Pendidikan Kelantan serta pegawai perubatan Hospital Universiti Sains Malaysia.

Merujuk kepada soalan seorang pegawai perubatan yang menjadi pensyarah di Fakulti Perubatan HUSM mengenai bebanan mengajar terlalu ramai pelajar serta dalam masa yang sama terpaksa bertugas di hospital, Dr Mahathir mengakui permintaan semasa bagi memohon memasuki fakulti perubatan adalah tinggi.

"Kita sebenarnya telah cuba menambah tempat dan jumlah fakulti perubatan di universiti-universiti bagi menampung permintaan yang tinggi. Dan kita akan terus berbuat demikian dari semasa ke semasa," katanya.

Menurutnya negara masih memerlukan banyak doktor perubatan bagi menampung keperluan negara ini.

Dr Mahathir berkata beliau sedih kerana ada pelajar yang berkelayakan tidak dapat memasuki universiti bagi mengikuti pengajian perubatan kerana tempat tidak mencukupi, menyebabkan mereka terpaksa melanjutkan pelajaran ke luar negara.

"Saya ada berjumpa dengan seorang rakyat kita di luar negara, wanita, yang belajar di Moscow. Saya tanya kenapa belajar di sini (Moscow), dia kata dia minta masuk jurusan perubatan tetapi ditawarkan kejuruteraan, dan disebabkan minatnya yang mendalam, keluarganya sanggup membiayai kos pendidikannya," katanya.

Kepada satu soalan lain tentang siapakah yang harus dipersalahkan apabila ada negara Islam kecundang di tangan musuh Islam, Perdana Menteri berkata perkara itu berpunca daripada orang Islam sendiri.

Beliau berkata Islam mengajar umatnya supaya bersedia dan mempertingkatkan pertahanan diri dan negara bagi mengelak dijajah selain untuk mengggerunkan musuh tetapi pada masa sekarang, tidak ada sebuah negara Islam pun yang mampu menandingi negara-negara barat.

"Terdapat 1.3 billion umat Islam di dunia ini. Jika ada satu negara Islam yang benar-benar kuat, sudah tentu Israel tidak akan lakukan perkara biadab (terhadap Palestin). Sekarang dia tidak hirau. Kita lemah kerana kita tidak ada ilmu," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam perlu menguasai ilmu sains dan teknologi bagi menandingi kejayaan negara-negara maju yang semuanya terdiri negara bukan Islam.

"Kalau tidak ada ilmu sains dan kejuruteraan, mustahil kita dapat keluaran senjata," katanya.

Perdana menteri berkata sebaliknya di dalam negara, ada kumpulan yang menghalang rakyat negara ini daripada belajar sains kerana disifatkan sebagai sekular dan hanya perlu memberi tumpuan kepada pelajaran agama.

Dr Mahathir turut mengucapkan syabas kepada pelajar wanita yang menguasai 70 peratus daripada tempat di universiti tempatan.

"Mana pergi budak lelaki? Mereka ini tidak bertanggungjawab terhadap desakan agama supaya mereka mempertahankan negara. Mereka asyik dengan perkara lain yang tidak diperlukan oleh kita," katanya.

Beliau berkata disebabkan kekurangan kepakaran dalam sains dan teknologi serta sumber kewangan yang terhad, Malaysia juga terpaksa membeli senjata untuk pertahanan negara dari negara asing.

"Tetapi saya yakin orang Melayu boleh menguasai dunia, kalau dia tekun," katanya.

Akibat kesuntukan masa, Dr Mahathir akhirnya terpaksa menamatkan sesi dialog yang berlangsung selama 45 minit itu walaupun ada yang masih berbaris untuk mengemukakan soalan.

Malam ini, Perdana Menteri menghadiri "Majlis Jamuan Rakyat" di Istana Negeri, Kubang Kerian.

-- BERNAMA

RAR MAI